AUTHOR: Ercy Gracella Ajos dan Nur Fatihah Omar Baki SECTION: NASIONAL PAGE: 9
PRINTED SIZE: 472.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 15,689.00
ITEM ID: MY0068940837



23 APR, 2026

## Sesi ‘Peace of Mind? MARA bantu peminjam atasi tekanan kewangan

Berita Harian, Malaysia



# Sesi ‘Peace of Mind’ MARA bantu peminjam atasi tekanan kewangan

### Sesi khas bincang penstrukturan semula bayaran, penyelesaian pinjaman bersesuaian

**Oleh Ercy Gracella Ajos dan Nur Fatihah Omar Baki**
bhnews@bh.com.my




*Asyraf Wajdi bersama rakan strategik MARA dan pelajar sempena Majlis Peluncuran Pidato Piala Pengerusi MARA 2026 di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan memperkenalkan sesi kaunseling khas dikenali ‘Peace of Mind’ bersempena Kemuncak Sambutan Karnival 60 Tahun agensi itu, bagi membantu peminjam serta usahawan yang berdepan tekanan kewangan.

Kemuncak sambutan karnival itu dijadual berlangsung dari 1 hingga 5 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata sesi khas yang diadakan dari jam 9 pagi hingga 10 malam itu memberi peluang kepada pihaknya berbincang mengenai penstrukturan semula bayaran serta penyelesaian kewangan yang bersesuaian kepada peminjam dan usahawan.

Beliau berkata, sepanjang karnival berlangsung, orang ramai akan disajikan dengan lebih 100 program menarik merangkumi pelbagai segmen, termasuk karnival pendidikan yang dijangka menarik kira-kira 100,000 pengunjung.

Katanya, karnival itu turut membuka peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendapatkan maklumat lanjut mengenai laluan pendidikan, selain meneroka pelbagai peluang yang ditawarkan MARA.

“Institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) juga dijemput untuk menyertai pameran bagi menawarkan program pengajian masing-masing kepada pelajar.

“Pada masa sama, karnival keusahawanan akan mengetengahkan pelbagai produk dan perkhidmatan usahawan MARA, sekali gus memperkukuh ekosistem perniagaan Bumiputera.

“Karnival makanan yang menghimpunkan pelbagai juadah turut diadakan dengan pembabitan pengaruh terkenal dalam industri kulinari,” katanya pada sidang media sempena Majlis Peluncuran Pidato Piala Pengerusi MARA 2026, di sini, semalam.

Kemuncak Sambutan Karnival 60 Tahun MARA akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

**Pertandingan kali pertama**

Sementara itu, Badan Permuafakatan Pendidikan Majlis Amanah Rakyat (MUAFAKAT MARA) buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Pidato Piala Pengerusi MARA 2026 yang dibawakan khas oleh Bank Simpanan Nasional (BSN).

Bertemakan ‘MARA 60 Tahun: Melakar Kejayaan, Membina Peradaban’, seramai 40 finalis dalam kalangan pelajar pelbagai Institusi Pendidikan MARA (IPMA) akan bertanding pada 26 April ini di Auditorium Bandaraya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Asyraf Wajdi berkata, penganjuran pertandingan ini adalah satu pelaburan bermakna dalam pembangunan modal insan berkualiti tinggi.

Katanya, program ini bukan sahaja terdiri dari kalangan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) malah kategori dibuka buat pelajar peringkat pengajian tinggi MARA.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: Ercy Gracella Ajos dan Nur Fatihah Omar Baki SECTION: NASIONAL PAGE: 9
PRINTED SIZE: 472.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 15,689.00
ITEM ID: MY0068940837



23 APR, 2026

# Sesi ‘Peace of Mind? MARA bantu peminjam atasi tekanan kewangan

Berita Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Sesi khas bincang penstrukturan semula bayaran, penyelesaian pinjaman bersesuaian
Kuala Lumpur: Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan memperkenalkan sesi kaunseling khas dikenali ‘Peace of Mind’ bersempena Kemuncak Sambutan Karnival 60 Tahun agensi itu, bagi membantu peminjam serta usahawan yang berdepan tekanan kewangan. Kemuncak sambutan karnival itu dijadual berlangsung dari 1 hingga 5 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.